

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-605 BIL.11/2024  
27 NOVEMBER 2024**

---

**1) ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
SEKTOR AWAM (MSOSH-CUEPACS)**

MBSP telah berjaya menerima *Safety Excellence Elite Award* (terdapat tiga (3) Kategori iaitu *Elite*, *Premier* dan *Honor*) dalam penyertaan Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Sektor Awam (MSOSH-CUEPACS). Majlis penyampaian anugerah berkenaan telah diadakan di Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya, Selangor pada 11 November 2024.

Dalam majlis yang sama, YBhg. Dato' Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid, Datuk Bandar Seberang Perai telah menerima sijil penghargaan *Leadership in Occupational Safety and Health Excellence*.

Sebelum ini, MBSP pernah menyertai Anugerah MSOSH Award (terbuka kepada agensi kerajaan dan swasta) dan mendapat pengiktirafan *Gold Class II* bagi penyertaan kali pertama pada tahun 2021

## 2) **PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL PERTAMA 2025 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI**

Adalah dimaklumkan bahawa **PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL PERTAMA 2025 & PROMOSI KHAS MELALUI ASPIRE SEBERANG PERAI** akan bermula pada 1 Disember 2024 dan akan tamat pada 28 Februari 2025. Promosi ini diadakan khas kepada semua pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2025 berserta tunggakan (jika ada) melalui **saluran *online*, kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik sahaja.**

MBSP telah menyediakan sebanyak **60 hadiah cabutan bertuah** berbentuk wang tunai seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-6	Wang Tunai RM1,800
Tempat Ke-7	Wang Tunai RM1,600
Tempat Ke-8	Wang Tunai RM1,400
Tempat Ke-9	Wang Tunai RM1,200
Tempat Ke-10	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-11	Wang Tunai RM900
Tempat Ke-12	Wang Tunai RM800
Tempat Ke-13	Wang Tunai RM700
Tempat Ke-14	Wang Tunai RM600
Tempat Ke-15	Wang Tunai RM500
Tempat Ke-16 hingga Tempat Ke-25	Wang Tunai RM400
Tempat Ke-26 hingga Tempat Ke-35	Wang Tunai RM300
Tempat Ke-36 hingga Tempat Ke-45	Wang Tunai RM200
Tempat Ke-46 hingga Tempat Ke-60	Wang Tunai RM100

ASPIRE Seberang Perai juga telah sudi untuk menaja **tiga (3) hadiah cabutan bertuah** kepada pemilik premis yang membuat bayaran melalui aplikasi **ASPIRE Seberang Perai, ASPIRE Web Portal** atau **ASPIRE Smart Cashless Kiosk**. Tajaan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	LEM E-Bike
Tempat Ke-2	LEM Folding Bike
Tempat Ke-3	Electric Scooter

Saya dengan ini menyeru semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2025 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda dalam cabutan bertuah.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web MBSP <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

### 3) eSEMAK CUKAI ONLINE

Adalah dimaklumkan bahawa MBSP telah membangunkan **Sistem eSEMAK CUKAI ONLINE** di laman web MBSP di mana pembayar cukai boleh menggunakan nombor kad pengenalan atau nombor passport bagi individu dan nombor pendaftaran untuk syarikat untuk menyemak bil cukai taksiran.

Sistem ini boleh digunapakai mulai **1 Disember 2024** dan ia juga boleh dimuat turun sebagai apps serta akan menerima notifikasi dari MBSP berkaitan cukai taksiran.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

#### **4) SELAMAT MENYAMBUT HARI KRISMAS**

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada semua penganut Kristian yang bakal disambut pada 25 Disember 2024 (Rabu). Pada hari tersebut juga merupakan hari kelepasan am di Negeri Pulau Pinang.

Justeru itu, di musim perayaan dan cuti kelepasan am ini diingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya berhati-hati di jalanraya, jaga kesihatan dan amalkan pemakanan yang sihat.

Sekian, terima kasih.